

Pelajar UKM teruja hasilkan PPE

PELAJAR Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-GSB) baru-baru ini menghasilkan 600 penghadang muka (*face shield*) untuk kegunaan petugas barisan hadapan di Hospital Selayang, Selangor dan Klinik Pergigian Kepala Batas, Pulau Pinang.

Setiap institusi masing-masing menerima 300 unit daripada penyumbang berkenaan.

Penghasilan penghadang muka tersebut adalah inisiatif pelajar tahun akhir yang perlu melengkapkan silibus pengajian melalui projek khidmat masyarakat.

Wakil pelajar, **Farzaana Haron** berkata, mereka merupakan lapan pelajar daripada kumpulan Life Care yang memilih untuk menghasilkan penghadang muka.

Ia bertujuan membantu petugas barisan hadapan yang memerlukan peralatan perlindungan diri (PPE) dalam mengekang penularan Covid-19.

"Tambah pula ada petugas barisan hadapan membuat penghadang



FARZAANA Haron menyerahkan 300 penghadang muka kepada wakil kakitangan Hospital Selayang, **Suliyana Zoolkeflee** (empat dari kanan), baru-baru ini.

muka sendiri bagi menampung kekurangan stok," katanya.

Farzaana berkata, memandangkan masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pihaknya menghasilkan penghadang

muka itu di rumah masing-masing berpandukan video yang disediakan oleh salah seorang ahli kumpulan.

"Kami berharap projek *life care* ini memberi impak berguna kepada masyarakat selain menjadi inspirasi

kepada golongan muda melakukan aktiviti khidmat masyarakat.

"Kami juga berharap projek ini dapat mengurangkan beban kerajaan khususnya hospital untuk membeli PPE di pasaran," katanya.

Mengambil masa hampir tiga bulan iaitu bermula April lepas, pelajar terlibat menghasilkan penghadang muka menggunakan plastik A4, span, gam dan getah kain dengan kos kira-kira RM1,000.